

P-raya: Daftar pemilih kini jadi asas

KUALA LUMPUR, Khamis — Daftar pengundi yang sedang dijalankan akan digunakan bagi pilihanraya kebangsaan akan datang, demikian diumumkan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam hari ini.

Katanya, kemungkinan besar itu wujud memandangkan kerja-kerja menyediakan daftar pengundi yang lengkap oleh Suruhanjaya Pilihanraya akan memakan masa yang panjang.

"Ini bermakna sama ada pilihanraya umum akan diadakan tahun depan atau tahun 1983, adalah besar kemungkinan daftar tahun ini juga yang akan digunakan," tambah beliau ketika melancarkan kempen Pendaftaran Pengundi-pengundi anjuran UMNO Malaysia di Dewan Bahasa dan Pustaka di sini.

Beliau yang juga Timbalan Presiden UMNO Malaysia menegaskan bukanlah hasratnya untuk memberi bayangan

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

bahawa pilihanraya umum akan diadakan tahun depan.

"Tetapi ahli-ahli UMNO hendaklah bersedia di atas kemungkinan daftar pengundi berasaskan kepada tahun ini digunakan untuk pilihanraya umum akan datang," katanya.

Lebih 300 wakil dari 114 Bahagian UMNO hadir dan mereka kelak akan membantu menjalankan kempen di tempat masing-masing menggalakkan orang ramai mendaftar. Dianggarkan 1.2 juta pengundi dapat mendaftar tahun ini.

Datuk Musa berkata, walaupun gerakan pendaftaran pengundi merupakan urusan tahunan, kerja-kerja pendaftaran pengundi tahun ini haruslah dipandang dari sudut yang lebih 'serious' daripada tahun-tahun yang lepas.

Berkesan

Apa yang lebih penting ialah bagaimana rakyat jelata memainkan peranan masing-masing untuk menghidupkan serta memberi makna kepada sistem politik bercorak demokrasi yang diamalkan oleh negara ini semenjak mencapai kemerdekaan.

Rakyat sendiri sudahpun begitu mesra dengan sistem politik bercorak demokrasi di mana Kerajaan adalah dipilih melalui peti undi secara sulit.

Beliau berpendapat, adalah menjadi tanggungjawab rakyat jelata untuk menentukan bahawa sistem yang diamalkan dapat diperbaiki dan diperkukuhkan dari masa ke semasa.

Dengan cara ini dapatlah rakyat bersama menentukan bahawa sistem demokrasi berparlimen yang diamalkan di negara ini berjalan dengan berkesan.

Kebebasan dan hak rakyat untuk menentukan wakil mereka ini akan sentiasa diperlindungi oleh sistem yang diamalkan sekarang.

Tiap-tiap rakyat boleh membuang undi masing-masing tanpa sebarang tekanan daripada mana-mana pihak.

Beliau mensifatkan sungutan-sungutan daripada rakyat jelata yang tidak mendaftarkan diri sebagai pengundi merupakan seolah-olah seperti sungutan kosong, omong kosong sahaja.

Ini memandangkan masih terdengar sungutan-sungutan daripada pihak tertentu yang memilih wakil-wakil rakyat yang tidak dapat mewakili kepentingan mereka.

Kononnya wakil-wakil rakyat yang dipilih tidak memahami masalah-masalah rakyat jelata tetapi lebih mementingkan usaha-usaha menjaga kepentingan sendiri, katanya.

Datuk Musa mengingatkan, sekiranya ini terjadi, tidak harus menyalahkan sesiapa melainkan diri sendiri kerana tidak menggunakan hak yang diberi yang telah ditetapkan di bawah Perlembagaan Negara.

Beliau membidas sikap segolongan rakyat yang menyatakan kehidupan mereka tidak akan berubah sekiranya siapa sahaja yang dipilih.